

UMS Anjur Golf Amal Sempena Majlis Konvokesyen Ke-20

Terakhir dikemaskini: Isnin, 05 November 2018 19:29 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 175

Kongsi 5

Syorkan 5

Kongsi

Tweet

Share



SELASA, 06 NOVEMBER - Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah menganjurkan Kejohanan Golf Amal Konvo 2018 di Nexus Golf Resort, Karambunai baru-baru ini.

Pengerusi jawatan kuasa penganjur, Prof. Madya Dr. Raman Noordin berkata, kejohanan tersebut berjaya menarik penyertaan sebanyak 14 kapal (flight) melibatkan 56 peserta dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuk Universiti Teknologi Mara (UiTM), orang perseorangan dan kakitangan UMS sendiri.

“Kejohanan ini antara lain bertujuan untuk membantu mengumpul dana bagi menampung sebahagian dari kos Majlis Konvokesyen UMS ke-20, 2018 selain sebagai usaha untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara UMS dengan masyarakat luar,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata, sebanyak dua kategori terbuka dipertandingkan melibatkan kategori *Nett* menerusi format *Stroke Play Sistem 36* dan kategori *Gross*.

“Selain itu pihak penganjur turut menyediakan hadiah-hadiah novelti berupa pukulan terjauh, pukulan terdekat dengan garisan, *Bull 's Eye* serta pelbagai hadiah cabutan bertuah yang menarik,” ujar Dr. Raman yang juga Dekan FPEP.

Pada kejohanan tersebut menyaksikan Abu Bakar Nasaruddin dinobatkan sebagai pemenang kategori *Gross*, manakala Noor Masrandi Abdul berjaya meraih kejuaraan bagi kategori *Nett*.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dan penyampaian hadiah cabutan bertuah turut disempurnakan Dr. Raman mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk. Dr. D Kamarudin D Mudin.